

KUALA LUMPUR, 24 OKT (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PEMBASMIAN KEMISKINAN TIDAK BERMAKNA TIAP-TIAP SEORANG YANG MISKIN AKAN MENJADI JUTAWAN.

SEBALIKNYA JIKA ADA YANG MENJADI JUTAWAN, INI TIDAK BERTENTANGAN DENGAN PEMBASMIAN KEMISKINAN, KATANYA DI DEWAN NEGARA HARI INI.

MENJAWAB PERTANYAAN SENATOR T.S. GABRIEL TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DASAR EKONOMI BARU BERTUJUAN UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN TANPA MENGIRA KAUM DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT.

+PERHATIAN KEPADA BEBERAPA ORANG YANG KONONNYA MENJADI JUTAWAN SEBAGAI TANDA BAHAWA DASAR EKONOMI BARU GAGAL MUNGKIN KERANA PERASAAN IRIHATI ATAU STRAP TIDAK SUKA MELIHAT ORANG LAIN MENDAPAT NIKMAT DARI DASAR ITU + TEGASNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENGALU-ALUKAN KRITIK DARIPADA SEMUA GOLONGAN TERHADAP APA-APA DASAR YANG DILAKSANAKAN SELAGI KRITIK ITU MEMBENA DAN BERASAS.

TAMBAHNYA, KRITIK YANG DIBUAT OLEH PIHAK PEMBANGKANG BARU-BARU INI ADALAH TIDAK TEPAT, MENGELIRUKAN RAKYAT DAN MEMESONGKAN DARIPADA HAKIKAT DEB. - BERSAMBUNG 1742/1B

NEGARA-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU DEWAN, LANGKAH MEMBASMI KEMISKINAN TELAH DISUSUN MELALUI RANCANGAN PEMBUKAAN TANAH, RANCANGAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ASAS DILUAR BANDAR, KEMUDAHAN PELAJARAN DAN KESIHATAN.

DARI SEGI PELUANG PEKERJAAN BAGI BUMIPUTERA, TERDAPAT PERKEMBANGAN PESAT TERUTAMA DI PUSAT-PUSAT BANDAR DAN KAWASAN LUAR BANDAR MELALUI PROGRAM PERINDUSTRIAN YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN.

KATANYA, INI MENUNJUKAN KERAJAAN BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN PEKERJAAN DI KALANGAN GOLONGAN MISKIN DI LUAR DAN DALAM BANDAR.

DALAM HUBUNGAN ITU, PENCAPAIAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG SOSIO-EKONOMI DAPAT DIUKUR DENGAN KEMAJUAN PELAKSANAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN DAN KERJASAMA YANG DIBERI OLEH HEREKA DALAM MENCAPAI OBJEKTIF DASAR EKONOMI BARU, KATANYA. — BERNAMA 1845/1B